

**RINGKASAN PERMOHONAN
PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)
KHUSUS KEPADA PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

1. Pemohon (pelajar) dikehendaki mempunyai Akaun Simpanan Individu **Bank Islam Malaysia Berhad**. Nombor akaun simpanan individu pemohon wajib diisi semasa membuat permohonan pinjaman.
2. Pemohon (pelajar) perlu **muat turun aplikasi myPTPTN** pada peranti diri sendiri, **daftar dan aktifkan aplikasi** tersebut (ambil gambar depan, belakang kad pengenalan dan gambar swafoto). Log masuk aplikasi myPTPTN untuk sempurnakan pengesahan **eKYC**.
3. Sekiranya pemohon (pelajar) tidak mempunyai **akaun SSPN Prime**, pemohon (pelajar) dikehendaki membuka akaun berkenaan dengan simpanan minimum bernilai RM20 di aplikasi myPTPTN.
4. Semak jadual permohonan dan daftar permohonan pinjaman dengan membeli **PIN PTPTN** (berharga RM5.00) di aplikasi myPTPTN.
5. Lengkapkan maklumat permohonan pinjaman, **muat naik** dokumen **Surat Tawaran Pengajian**, dan **hantar permohonan pinjaman melalui aplikasi web myPTPTN** menggunakan komputer desktop/riba sebelum tarikh tutup permohonan.
(Perhatian: Tarikh mula pengajian dipilih perlu rujuk pada tarikh kemasukan dinyatakan dalam Surat Tawaran Pengajian dari UNISEL)
6. **Semak status permohonan** melalui peti pesanan di aplikasi myPTPTN pada hari ke-7 selepas tarikh tutup permohonan.
7. Pemohon (pelajar) yang ditawarkan pinjaman pendidikan dan **pengesahan penerimaan tawaran pinjaman PTPTN** perlu membayar duti setem (RM20) dan tandatangan digital (RM5) di aplikasi myPTPTN. Peminjam perlu turunkan **tandatangan secara digital** selepas +/-24 jam bayaran dilakukan.
8. **Penghantaran dokumen tawaran dan pinjaman perjanjian** di aplikasi myPTPTN perlu dilakukan dalam masa 14 hari dari tarikh kelulusan.
9. Dokumen perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak (peminjam dan PTPTN) serta yang telah dimeterai duti setem boleh dimuat turun oleh peminjam di aplikasi myPTPTN. Tempoh paparan dokumen tersebut terhad kepada 60 hari sahaja.
10. Pengkreditan kewangan pinjaman bagi pembayaran yuran pengajian adalah pada 15/30hb berikutnya.